

Wasat adalah warkah dalam talian terbitan Pergas. Diwujudkan bagi menerbitkan apa jua penulisan hasil kajian dan pemikiran yang bertemakan *wasatiyah* (kesederhanaan). Ia bertujuan menyebarluaskan idea dan menggalakkan wacana *wasatiyah* dalam kefahaman dan amalan Islam dalam konteks masyarakat Islam Singapura.

Sumbangan bahan penulisan amat dialu-alukan. Semua bahan penulisan haruslah memenuhi kriteria berikut:

- Bertemakan *wasatiyah* atau relevan dengan tema *wasatiyah*. Penyumbang boleh menulis dari apa jua sudut i.e. fiqh, akidah, akhlak, falsafah, sosio-agama, atau politik-agama asal sahaja isinya dapat dikaitkan dengan tema *wasatiyah*.
- Panjang penulisan ialah, minimum 1000 perkataan dan maksimum 2500 perkataan.

Penerbitan penulisan yang disumbangkan ialah atas budi bicara penuh pihak penyunting.

Pihak penyunting mempunyai hak untuk melakukan suntingan yang munasabah bagi bahan yang disumbangkan atas faktor-faktor bahasa atau ruang.

Untuk menyumbang, sila hantarkan penulisan anda ke wasat@pergas.org.sg

Barisan Penyunting: Ustazah Nazrana Haniff, Ustaz Irwan Hadi Mohamad Shuhaimi, Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Puan Sundusia Rosdi **Grafik / halaman web / pembantu teknikal:** Ustazah Nurhafizah Azman dan Ustaz Muhammad Shibly Saptu

Edisi (Edition) no. 46 / Disember 2022

Kandungan

- **Dari meja penyunting...** (mukasurat 2)
- **Buku Tarbiyat Al-Awlad Fi Al-Islam: Sumber Tarbiyah Untuk Para Pembaca, Pelajar dan Pendakwah, oleh Mohammad Hafiz Bin Kusairi** (mukasurat 3)
- **Dakwah, Pendapat Umum dan Perubahan Sosial, oleh Ustaz Muhammad Haniff Hassan** (mukasurat 8)
- **A Brief Look at Wasatiyyah in Islam, by Ustaz Amruu Hussein** (page 12)

Nota: Hakcipta penerbitan artikel ini dimiliki oleh Pergas. Tidak dibenarkan mengulang cetak artikel ini di mana-mana wadah penerbitan lain dan dalam apa jua bentuk tanpa izin dari Pergas. Namun, keizinan diberikan untuk mengongsi artikel ini melalui alamat url yang asal.

Segala pendapat yang dikemukakan oleh para penulis artikel adalah milik penulis dan tidak mewakili pendirian rasmi Pergas, kecuali jika dinyatakan sedemikian secara tersurat oleh Pergas.

<https://blog.pergas.org.sg/wasat/>



FOLLOW US

	www.facebook.com/Pergas.Singapore
	www.twitter.com/pergas_spore
	www.youtube.com/PergasSingapura
	instagram.com/Pergassingapura



Dari meja penyunting....

Alhamdulillah,
Wasat no. 46 /
Disember 2022
kini berada di
paparan mata
pembaca bersama
tiga artikel-artikel
yang diharapkan
akan memberi
manfaat.

Wasat ingin mengucapkan terima kasih kepada Ustaz Muhammad Haniff Hassan yang telah mengundurkan diri sebagai anggota penyunting dan penyelaras utama bagi Wasat bermula dari 1 Disember 2022. Edisi ini adalah edisi terakhir Ustaz Muhammad Haniff melaksanakan tugas yang disandangnya sejak edisi pertama pada Februari 2015. Ustaz Muhammad Haniff juga bertanggungjawab dalam mengasas Wasat sebagai wadah penerbitan bagi penyebaran idea wasatiyyah di kalangan masyarakat dan menggalakkan budaya kajian dan penulisan di kalangan asatizah. Semoga Allah taala membalas segala sumbangan beliau dengan sebaik-baik balasanNya.

Artikel pertama bagi edisi ini bertajuk **Buku Tarbiyat Al-Awlad Fi Al-Islam: Sumber Tarbiyah Untuk Para Pembaca, Pelajar dan Pendakwah**, sumbangan Mohammad Hafiz Kusairi. Artikel ini membicarakan tentang kepentingan memahami konteks dan latarbelakang penulis apabila membaca apa jua karya penulisan, walaupun sehebat mana sekalipun penulis karya itu atau nilai karya berkenaan di mata ramai. Ciri ini adalah sebahagian dari cara pembacaan buku dengan minda yang kritikal. Penulis memberi contoh buku yang bagus untuk dibaca dan sememangnya popular di kalangan ibu bapa dan para pendidik, yang bertajuk *Tarbiyat Al-Awlad Fi Al-Islam* (Pendidikan Anak-anak Dalam Islam). Penulis memetik bahagian dari buku ini yang jika tidak difahami dengan baik melalui konteks ketika penulis menulis buku ini Muslim di Singapura akan merasa seolah-olah menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan

adalah satu langkah yang pasti membahayakan agama anak-anak mereka.

Artikel kedua pula bertajuk **Dakwah, Pendapat Umum dan Perubahan Sosial**, oleh Ustaz Muhammad Haniff Hassan. Penulis membincarkan tentang kepentingan bagi dakwah untuk mempengaruhi pendapat umum bagi mencapai perubahan dalam masyarakat. Penulis berpendapat aspek ini adalah satu aspek yang kurang diambil peduli oleh organisasi dakwah. Bagi tujuan memenangi pendapat umum, penulis mencadangkan organisasi dakwah memberi perhatian pada tiga institusi penting, iaitu institusi pendidikan, perekonomian dan media massa yang dianggap sebagai wadah penting dalam mencorak tren dan pendapat umum masyarakat moden hari ini.

Artikel ketiga adalah artikel berbahasa Inggeris bertajuk, **A Brief Look at Wasatiyyah in Islam**, oleh Ustaz Amruu Hussein. Dalam artikel ini, penulis memberi gambaran umum tentang konsep wasatiyyah dalam Islam dengan memberi tumpuan khusus pada wasatiyyah dalam kehidupan beragama.

Selamat membaca.
Bacalah dengan nama Tuhanmu....

“
Bagi pihak Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Wasat ingin menyampaikan ucapan terima kasih dari beliau kepada semua yang telah menyokong penerbitan Wasat sejak dari edisi pertama, khususnya kepada kepimpinan Pergas dan sekalian pembaca. Beliau juga memohon kemaafan dari semua pihak atas apa jua kesilapan dan kekurangan yang wujud pada Wasat ketika menjadi penyelaras penerbitannya.



Buku *Tarbiyat Al-Awlad Fi Al-Islam*: Sumber Tarbiyah Untuk Para Pembaca, Pelajar dan Pendakwah

Oleh Mohammad Hafiz Bin Kusairi

Di zaman yang mana terdapat kesedaran meluas di kalangan ibu bapa tentang kepentingan membentuk keperibadian anak-anak bermula dari rumah, rujukan kepada sumber ilmiah yang menyentuh perihal keibusahaan dan pembesaran anak-anak menjadi suatu prioriti pembacaan yang semakin tinggi. Di kalangan masyarakat Islam pula, rujukan yang paling ketara ialah bahan-bahan yang bersandarkan nilai-nilai kelslaman. Antara karya yang paling mendapat tempat di hati para pembaca ialah karya Dr. Abdullah Nasih Ulwan yang bertajuk *Tarbiyat Al-Awlad Fi Al-Islam* (*Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*).

Selain daripada kitab Dr. Abdullah ini, kitab yang berteraskan tarbiyah ataupun pendidikan yang popular di kalangan masyarakat Islam kontemporari ialah karya Dr. Abdul Fattah Abu Ghuddah iaitu *Al-Rasul Al-Mu`allim* kerana ia mengetengahkan pelbagai pendekatan yang diambil oleh Rasulullah untuk mendidik umat Baginda di samping memberikan kebebasan untuk para pembaca untuk mengaplikasinya menurut realiti yang sedang dihadapi.

Berbeza sedikit dari kitab tulisan Dr. Abdul Fattah ini, karya Dr. Abdullah ini sangat terkenal bukan sahaja kerana rujukannya yang kuat kepada Al-Qur'an dan Hadith, ia juga memuatkan pendapat para ulama dan juga dapatan kajian kontemporari yang kelihatan sangat peka dengan realiti zaman moden. Atas sebab itu, kitab ini bukan sahaja menjadi bahan bacaan, namun menjadi bahan kuliah, ceramah dan seminar.

Oleh kerana itu, artikel ini difokuskan kepada karya Dr. Abdullah dengan mengaitkannya kepada tiga golongan yang berinteraksi secara langsung dengan ilmu: pembaca, penuntut dan penyampai ilmu.

Beberapa nota untuk renungan

Di dalam membaca, mempelajari ataupun menyampaikan apa jua buku, bersifat kritikal di dalam menanggapi isi kandungannya adalah satu keperluan. Sebagai contoh, di dalam bab *Tanggungjawab Pendidikan Iman*, Dr. Abdullah memberi beberapa gambaran di mana sikap ibu bapa yang mengambil mudah akan menjerumuskan anak tersebut kepada beberapa permasalahan, termasuk kerosakan iman. Antara senario yang digambarkan beliau ialah:

“Seorang bapa menghantar anaknya ke sekolah berasaskan agama selain Islam yang mempunyai misi menyebarkan agamanya. Anak yang bersekolah di sekolah seperti ini sudah pasti terbawa-bawa dengan kesesatan dan kekufturan, bahkan perasaan benci terhadap Islam meresap dalam hatinya.”

“Seorang bapa yang menyerahkan tugas mendidik anak kepada guru yang tidak percaya kepada Tuhan. Mereka menyampaikan ajaran-ajaran kufur dan menanamkan benih-benih kekufturan dalam hati anak. Sudah pasti anak yang dididik oleh guru seperti ini terpengaruh dengan pendidikan ateis dan sekular.”

“Seorang bapa yang membenarkan anaknya membaca semua jenis buku termasuk buku karangan ateis dan materialis, bahkan membiarkan mereka membaca cercaan para mubaligh dan penjajah kepada Islam. Hari demi hari, akibat dimomokkan dengan bacaan sebegini, lama-kelamaan pegangan

anak itu menipis, dan akhirnya mencerca prinsip-prinsip Islam."

Di sini, pembaca perlu berusaha memahami konteks di sekitar penulisan kitab tersebut. Kitab-kitab agama yang menjadi bahan rujukan kita seringkali disisipkan dengan fakta tentang latar belakang penulis dan zamannya, keperibadiannya, guru-gurunya, murid-muridnya, hasil-hasil karyanya dan kesudahan hidupnya. Ia bukanlah sekadar untuk kita kagumi, tetapi untuk menjadi inspirasi buat diri kita untuk mencontohi dan menyambung kebaikan yang telah dimulakan sang penulis. Ia juga memupuk kesedaran di dalam diri tentang realiti di dalam zamannya yang menjadi pencetus kepada karya yang sedang kita tatapi.

Oleh itu, walaupun kesimpulan-kesimpulan yang dibuat oleh Dr. Abdullah bersifat absolut dan simplistik melalui lensa masa kini, ia perlu difahami bahawa penulis hidup di dalam suasana kolonial dan pasca Perang Dunia Kedua. Kemahuan pihak British untuk mengubah infrastruktur politik, ekonomi dan sosial bumi Mesir sejak dari hari pertama penjajahan mereka telah menimbulkan penentangan dari pihak nasionalis, agamawan dan rakyat jelata sendiri. Malah, gerakan modenisasi atau pembaratan (westernization) yang dibawa oleh pihak British sering disamakan dengan agenda Kristianisasi disebabkan kepercayaan bahawa motif kolonialisme itu bercabang tiga: *God-Glory-Gold*. Apatah lagi pula gerakan kolonialisme dilihat sebagai menghakis identiti kelslaman disebabkan nilai-nilai Barat yang dianggap bertentangan dengan Islam.

Keadaan ini menjadi semakin meruncing di fasa terakhir Perang Dingin (Cold War) di antara Amerika Syarikat dan Soviet di mana keadaan Soviet yang semakin lemah diiringi pula dengan kebangkitan beberapa entiti di atas nama Islam seperti Revolusi Islam di bawah pimpinan Ayatollah Khomeini di Iran

pada tahun 1979, kumpulan-kumpulan Mujahidin ketika peperangan menentang Soviet di Afghanistan pada tahun yang sama dan gerakan Ikhwanul Muslimin di Timur Tengah terutama di Mesir, Syria dan Jordan.


Kemahuan Amerika Syarikat untuk meletakkan dirinya sebagai kuasa nomor satu dunia dan bermulanya pertentangan oleh entiti-entiti yang kemudiannya dianggap sebagai mewakili sentimen Islam keseluruhannya seringkali digambarkan sebagai manifestasi *Clash of Civilizations* yang ditulis oleh Samuel Huntington.

Oleh itu, menyedari hakikat realiti ini mengajak kita untuk memahami dan menghargai pola pemikiran Dr

Abdullah. Beliau sendiri merupakan aktivis Ikhwanul Muslimin yang lantang menentang sebarang pemikiran yang dianggapnya asing kepada identiti seorang Muslim. Maka dapat disimpulkan bahawa pendapat-pendapat beliau seperti yang disebutkan di atas lahir daripada keprihatinan terhadap perkembangan sosio-politikal yang berlaku di negara-negara Arab ketika itu.

Ini tidak bermakna bahawa pendapat yang diketengahkan itu tidak boleh dipersoalkan. Walaupun keimbangan yang diutarakan oleh Dr. Abdullah itu mempunyai dasar yang perlu dihargai, ia tidak boleh dijadikan sebagai keimbangan yang bersifat universal.

Sebagai contoh, tidak benar tanggapan bahawa seorang bapa yang menghantarkan anaknya ke sekolah yang tidak berasaskan Islam sudah pasti akan menjerumuskan anak tersebut kepada kancan kesesatan dan kekufturan. Begitu juga pendapat yang guru-guru yang tidak percaya kepada Tuhan akan menanamkan benih kekufturan di dalam hati anak-anak. Juga, "sekolah yang tidak berasaskan Islam" dianggap sebagai sekolah yang tidak mengajar ilmu-ilmu dasar Islam seperti akidah, fikih, akhlak, muamalah dan sebagainya.



Dalam hal ini, pemikiran Profesor Syed Hussein Alatas yang menitikberatkan juga persoalan nilai kelslaman walaupun pada wadah yang secara luarnya tidak kelihatan ‘Islamik’ boleh diberi pertimbangan. Beliau mengatakan,

“Suatu dasar Islam yang penting lagi adalah bahawa semua kebaikan itu datangnya daripada Tuhan. Tiap-tiap tindakan yang baik bersifat tindakan kelslaman, walaupun yang melakukannya bukan seorang Islam. Di sini kita perlu menyedari dua pembahagian fikiran iaitu agama Islam dan nilai-nilai Islam. Agama Islam hanya diikuti oleh orang Islam. Lain halnya dengan nilai-nilai Islam. Yang bukan Islam pun dapat menghidupkan nilai-nilai Islam, sebagai halnya di Singapura.”

Bahkan perkongsian ilmu yang mencakupi pengetahuan tentang ilmu alam, ketamadunan dan kemasyarakatan akan mencetus minat di dalam hati seorang pelajar untuk menjadi insan yang aktif meneroka keajaiban alam, mengkaji tentang jatuh bangun sesuatu peradaban sebagai pengajaran buat umat hari ini dan menelusuri permasalahan-permasalahan yang dihadapi warga masyarakat agar dapat diselesaikan.

Jika seorang Muslim sekadar membataskan bacaannya dan anak-anaknya berdasarkan latar belakang pengarang tertentu semata dan menolak pengarang yang lain hanya kerana penulis seorang ateis dan materialis, dia sebenarnya sedang menafikan potensi pemikiran dirinya kerana tidak dinafikan bahawa terdapat bahan tulisan yang memperkasa minda dan jiwa untuk lebih dalam berfikir dan merenung ke arah kebaikan walaupun yang menulisnya seorang yang sering kita anggap di dalam ‘kamus’ kita sebagai fasik, ateis dan materialis.


Yang perlu diterapkan ialah kebijaksanaan membaca: untuk menyaring maklumat yang bermanfaat dan meninggalkan perkara-perkara yang merosakkan nilai agama dan kemanusiaan.

Profesor Syed Hussein Alatas menambah,

“Sebaliknya juga jika ada sesuatu karya yang dikarang oleh seorang yang bukan Islam, tetapi dalamnya terdapat dibesarkannya nilai-nilai Islam, maka karya ini dapat kita anggap sebagai karya Islam dalam erti karya yang didasarkan atas nilai-nilai Islam yang meliputi seluruh kemanusiaan dan kejadian alam serta makhluk-makhluk dalamnya.”

Langkah lanjut

1. Luaskan bacaan dan pembelajaran



Muslim perlu menyedari tentang kepentingan meluaskan bacaan agar dia tidak sekadar menghadam sesuatu maklumat dan menjadikannya sesuatu yang muktamad buat dirinya.

Muslim hendaklah membiasakan diri untuk menerima penambahan pada ilmu dan mengakui akan hakikat bahawa ilmu yang dia miliki boleh sahaja digantikan oleh ilmu yang lebih baik. Ini tentu sekali memerlukan keterbukaan minda dan dada di samping


niat yang ikhlas untuk mendapat ilmu yang bermanfaat.

Meluaskan pembacaan juga termasuk memberikan perhatian terhadap genre yang seringkali dianggap ‘kurang beragama’. Sebagai contohnya, pembaca Muslim perlu juga luangkan masa untuk mengkaji latar belakang sejarah tempat kelahiran atau pengambilan ilmunya, apakah realiti geopolitik yang sedang berlaku yang mungkin membentuk fikrah dan pemikiran penulis di dalam menghargai realiti penulis sesuatu karya buku atau penulisan.

Begitu juga di dalam mempelajari ilmu. Seorang penuntut ilmu perlu meningkatkan dirinya kepada keadaan yang lebih daripada sekadar mendengar dan menelan sesuatu perkongsian. Perlu ada proses pemikiran yang turut mengambil kira bagaimana sesuatu yang dipelajari dapat direalisasikan di dalam konteks kehidupannya tersendiri melalui langkah-langkah yang konkret.

Kebiasaan pemikiran yang demikian akan mendidik minda untuk menjadi pemikir yang aktif kerana mengambil kira isi, konteks dan cara aplikasi yang terbaik.

2. Kenali konteks tempatan



Antara perkara yang sering dilepas pandang oleh seorang pembaca, penuntut ilmu dan pengajar ialah realiti di tempat mereka berada.

Apa yang sering berlaku ialah sesuatu pemikiran yang didorong oleh sesuatu konteks yang berasingan akan sering diperkenalkan kepada minda tempatan tanpa memikirkan keserasiannya. Sedangkan sebahagian daripada proses pemikiran yang perlu dilalui oleh seorang pembaca, penuntut dan penyampaian ilmu ialah penghargaan terhadap realiti tempatan mereka juga, iaitu mengambil kira sistem-sistem yang mendasari sesuatu lokasi seperti sistem pendidikan dan memahami pemikiran dan kebiasaan tempatan.

Ertinya, sesuatu ilmu yang diperolehi dan ingin diaplikasikan kepada realiti tempatan akan mengambil kira sama ada ia berpotensi memperkasa, atau memudaratkan, atau tidak relevan untuk diaplikasikan samasekali. Proses ini akan membina kepekaan dan empati terhadap realiti tempatan.

Penulis artikel ini teringat ketika membuat persiapan untuk menyampaikan kuliah yang menyentuh tentang persediaan Ramadan daripada kitab *Risalatul Muawwanah* karangan Al-Imam Abdullah Bin Alawi Al-Haddad. Antara perkara yang dipesankan di dalam kitab tersebut ialah,

“Hendaklah anda tidak menarik diri pada bulan yang mulia ini kepada selain dari amalan-amalan akhirat semata, dan jalan masuk ke dalam kerja-kerja dunia kecuali yang perlu saja. Kemudianjadikanlah semua urusan kerjamu pada bulan-bulan yang lain saja supaya anda mendapat kelapangan yang penuh pada bulan Ramadan ini untuk kerja ibadat saja.”

Apabila menyampaikan kuliah, di samping menekankan kepentingan meningkatkan prestasi amal ibadah kita di dalam bulan Ramadan, penulis juga memberi ruang untuk menerangkan tentang bagaimana seorang Muslim di Singapura dapat memaksimakan Ramadan mereka juga, walaupun berhadapan dengan konteks yang tidak memungkinkan perlaksanaan sepenuhnya apa yang disarankan oleh Imam Abdullah Al-Haddad.

Ini tidak bermakna bahawa dasar yang ditekankan beliau iaitu memanfaatkan Ramadan sepenuhnya tidak boleh dicapai dan diabaikan terus. Maka, di sinilah pembacaan dan pembelajaran yang meluas di samping kesedaran tentang realiti tempatan sangat membantu untuk menjadikan pengalaman Ramadan itu sangat inklusif buat setiap orang beriman manapun mereka berada.

Maka, penulis turut menyentuh serba sedikit tentang realiti Ramadan di Singapura melalui artikel yang diterbitkan pada keluaran Wasat, no. 27 dengan tajuk, *The Ramadhan-Bazaar Conundrum: A Way Forward*.

3. Menghasilkan lebih karya tempatan, untuk masyarakat tempatan

Apa yang dinyatakan di atas, menunjuk kepada keperluan pada penghasilan karya-karya yang bersandarkan realiti tempatan agar menjadi manfaat dan panduan praktikal buat masyarakat di Singapura.

Juga, supaya menjadi sebab untuk mengenalkan masyarakat Islam di negara-negara lain tentang realiti-realiti yang mempengaruhi pendekatan kita terhadap beberapa pengamalan agama di dalam negara, sesuai dengan suruhan kita untuk saling mengenali dan menghargai.

Adalah penting untuk seseorang untuk tidak merasakan dirinya tersisih daripada kelebihan-kelebihan yang disediakan agama untuk mereka hanya kerana disebabkan perbezaan konteks dirinya sendiri dengan yang penulis sesebuah kitab ataupun makalah.

Kesimpulan


Kesimpulannya, karya hebat Dr. Abdullah Nasih Ulwan ini mendidik untuk sentiasa menghargai konteks tempatan dan sentiasa menghasilkan suatu usaha untuk memperbaiki ataupun memperkasa realiti yang sedang dihadapi. Di dalam menghadapi realiti yang berbeza, proses pengambilan maklumat perlulah disertai dengan pemikiran yang mendalam dan tidak tertutup mahupun terbatas.

Semoga dengan ini, akan tercetuslah lebih banyak usaha, sama ada dalam bentuk penulisan mahupun projek-projek yang memperkasa pengalaman hidup beragama masyarakat tempatan yang dengannya membuka ruang luas untuk masyarakat Islam yang berada di konteks yang lain untuk turut berkongsi dan menimba pengajaran.

Karya *Tarbiyat Al-Awlad Fi Al-Islam* sepatutnya menjadi pencetus di dalam diri setiap pembaca, pelajar dan pengajar materialnya, suatu kemahuan untuk menghasilkan sesuatu yang didasari keprihatinan mendalam Dr. Abdullah Nasih Ulwan, untuk masyarakat mereka sendiri.

Rujukan

1. Abdullah Nasih Ulwan (1992). *Tarbiya Al-Awlad Fi Al-Islam*. Diterjemahkan oleh Mohd Ikhwan Abdullah. Selangor: PTS Publications & Distributors.
2. Hatem Bazian (2018). *Islamophobia, ‘Clash of Civilizations’, and Forging a Post-Cold War Order!*. Basel: DPI.
3. Michael E. Salla (1997). *Political Islam and the West: A New Cold War or Convergence?*. London: Taylor & Francis.
4. Noman Sattar (1995). "Al Ikhwan Al Muslimin" (Society of Muslim Brotherhood) Aims and Ideology, Role and Impact. Pakistan: Pakistan Horizon.
5. U. Mahmudah (1997). *Bab III: Biografi 'Abd Allah Nasih 'Ulwan*. http://repository.radenintan.ac.id/1803/6/Bab_III.pdf. Diakses pada 7 November 2022.
6. Syed Hussein Alattas (2015). *Karya Terpilih Syed Hussein Alatas - Kita Dengan Islam: Tumbuh tidak Berbuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Al-Imam Abdullah Bin Alawi Al-Haddad (1999). *Petunjuk Thariqat Ke Jalan Akhirat*. Diterjemahkan oleh Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.





Dakwah, Pendapat Umum dan Perubahan Sosial

Oleh Ustaz Muhammad Haniff Hassan

Dakwah ialah usaha untuk mencetus perubahan, samada perubahan dari kejahilan kepada kefahaman Islam atau dari kebaikan kepada yang lebih baik lagi. Di dalam istilah tradisi dakwah, ia dinamakan ‘tajdid’ (pembaharuan) dan juga ‘islah’ (pembawaan) sebagaimana yang difirman oleh Allah taala, “Aku hanya ingin melakukan ‘islah’ (perbaikan) mengikut kemampuanku” (Hud: 88). Ayat ini adalah kata-kata nabi Syuaib a.s kepada kaumnya. Nabi Syuaib di sini mewakili para pendakwah dan ‘islah’ merupakan tugas yang hendak dilakukan.

Mengenai tajdid pula, Nabi s.a.w ada bersabda, “Sesungguhnya Allah taala mengutuskan untuk umat ini setiap seratus tahun orang-orang yang akan melakukan ‘tajdid’ (pembaharuan) agama ini (daripada segala penyimpangan).” (Riwayat Abu Daud dan Al-Hakim)

Oleh yang demikian bolehlah dikatakan bahawa peranan utama pendakwah dan institusi dakwah ialah sebagai ‘agents of change’.

Jika dikaji peristiwa-peristiwa sejarah yang mencetus perubahan-perubahan besar dalam sesuatu negara atau masyarakat, pasti akan didapati bahawa antara wasilah perubahan yang ampuh ialah perubahan melalui kuasa massa atau rakyat (people's power).

Ini dapat dilihat dari peristiwa yang menjatuhkan kerajaan monarki Perancis, Czar di Russia, Shah Iran di Iran, Marcos di Filipina dan gerakan ‘Arab Spring’ yang melanda Libya dan Mesir sedekad yang lalu.

Namun yang penting dari perubahan melalui kuasa massa atau rakyat bukanlah massa atau rakyat itu sendiri tetapi adalah pendapat umum (public opinion) yang mendorong massa berkenaan. Tanpa pendapat umum yang dipegang tidak mungkin ada gerakan massa yang mencetus perubahan.

Hari ini usaha untuk memahami perkara yang berkaitan dengan pendapat umum menjadi semakin penting. Industri komersil dan agensi pemerintah melabur jutaan dolar untuk mengkaji tren yang ada pada masyarakat untuk memahami pendapat mereka. Jutaan dolar juga dibelanjakan untuk mempengaruhi pendapat umum masyarakat melalui iklan-iklan dan program-program pendidikan awam.

Mohd Hamdan Hj. Adnan dalam bukunya *Pendapat Umum* (DBP 1995) menulis:

“Mereka yang ingin berkuasa atau terus berkuasa atau pun ingin berpengaruh perlu dapat membaca pendapat umum dengan tepat setiap masa. Mereka yang ingin berjaya dalam perniagaan terpaksa meninjau pendapat umum tentang keluaran atau jualan mereka untuk memastikan yang ianya disukai oleh para pengguna. Dengan dapat membaca pendapat umum secara tepat setiap masa dapatlah

mereka yang ingin mendapatkan sokongan orang ramai atau khalayak sasarannya mengusahakan dengan berjaya.”

Abraham Lincoln, mantan Presiden Amerika Syarikat pernah berkata, “...public sentiment is everything. With it, nothing can fail; against it, nothing can succeed.” dan “Whoever can change public opinion can change the government.”

Walau pun demikian hakikatnya, persoalan mengenai pendapat umum masih lagi merupakan persoalan yang terabai dalam usaha dakwah hari ini.

Rata-rata pendakwah dan institusi dakwah tidak peka terhadap persoalan ini. Oleh itu, tiada usaha yang gigih untuk mengajinya, tiada perancangan yang jelas untuk mempengaruhinya dan institusi dakwah lokek untuk berbelanja kerana dan untuknya.

Aktivis Muslim perlu sedari bahawa dakwah bukanlah usaha untuk menangani gejala-gejala sosial semata-mata atau hanya untuk membaiki masyarakat Melayu Islam sahaja. Sebaliknya, dakwah adalah usaha untuk membawa semua manusia ke cara hidup yang selari dengan fitrah yang diciptakan Allah taala kepada manusia.

Sekiranya dilihat melalui perspektif ini, lalu dibandingkan dengan realiti yang sedang dihadapi, aktivis Muslim harus merasa betapa besar perubahan yang hendak dilakukan melalui usaha dakwah.

Namun apakah mungkin ia dapat dilakukan tanpa penglibatan massa? Jika tidak, bagaimana pula massa dapat digerakkan jika mereka tidak mendokong satu pendapat tertentu? Lalu bagaimana pula membentuk pendapat itu?

Tidakkah ini memberi gambaran kepada institusi dakwah kepentingan memahami persoalan pendapat umum dalam usaha dakwah?


Mempengaruhi pendapat umum

Floyd H. Allport dalam *Public Opinion Quarterly* (1923) merumuskan pendapat umum sebagai:

“The term public opinion is given its meaning with reference to a multi individual situation in which individuals are expressing themselves or can be called upon to express themselves, as favouring (or else disfavouring or exposing) some definite condition,

person or proposal of wide spread importance, in such proposition of number, intensity and constancy as to give rise to the probability of affecting action, directly or indirectly toward the object concerned.”

Mencetus perubahan berkait rapat dengan kekuatan. Semakin banyak kekuatan yang dimiliki semakin mampu untuk kita mencetus perubahan. Sebab itulah Islam memerintahkan kita untuk mempersiapkan kekuatan sebagaimana yang difirmankan oleh Allah taala, “Dan persiapkanlah untuk mereka apa yang kamu mampu dari kekuatan” (Al-Anfal: 60)



Rasulullah s.a.w juga ada bersabda, “Mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih dicintai Allah dari mukmin yang lemah.” (Riwayat Ibn Majah)

Dalam konteks mempengaruhi pendapat umum, antara kekuatan yang menjadi wasilah yang berkesan ialah,

1. Institusi pendidikan

Kepentingan pendidikan dalam konteks perubahan secara Islam dapat difahami dari wahyu yang

pertama. Wahyu ini mengandungi perintah membaca ('iqra') dan anjuran belajar (lihat Al-'Alaq, 1-5).

Jika ditinjau sejarah perubahan yang berlaku di Eropah dari zaman kegelapan kepada zaman kemajuan, pembaca akan mendapati bahawa ia hanya berlaku setelah Eropah mengalami revolusi ilmu pengetahuan.

Apa yang dimaksudkan di sini ialah pendidikan sebagai satu institusi yang bersepadan yang meliputi seluruh strata dan demografi masyarakat dari peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat dewasa dan pengajian tinggi sebagai satu alternatif kepada yang sedia ada.

2. Institusi perekonomian

Yang dimaksudkan dengan institusi perekonomian ialah yang meliputi sektor perniagaan dan kewangan.

Peranan besar institusi ini sebagai wasilah yang mempengaruhi perubahan dari perspektif Islam dapat dilihat dari perjuangan Rasulullah sendiri menunjukkan bahawa beliau sentiasa dibantu dari sektor ekonomi yang diwakili oleh tokoh-tokoh perniagaan sahabat seperti Abdul Rahman bin Auf dan Othman bin Affan.


Meninjau dari sejarah pula, aktivis Muslim akan dapat bahawa tiada gerakan perubahan yang mampu menjayakan perjuangannya tanpa sokongan kewangan. Realiti hari ini juga membuktikan besarnya pengaruh institusi perekonomian.

Syarikat McDonald's dan industri makanan segera telah mengubah bukan hanya cara pemakanan masyarakat bahkan gaya hidup mereka - gaya hidup serba pantas dan ingin segala perkara dengan segera. Syarikat Coca-cola dan Pepsi pula melalui kekuatan kewangannya menggunakan segala wasilah iklan untuk mempengaruhi masyarakat dari sudut gaya minum mereka kononnya sebagai minuman generasi masa kini sedangkan hakikatnya dari sudut kesihatan telah terbukti bahawa kedua-dua minuman itu hanya membawa kemudarat kepada kesihatan. Begitu juga dengan rokok. Walaupun telah diketahui umum kemudaratannya, rokok tetap menjadi

sebahagian dari gaya hidup masyarakat. Syarikat-syarikat rokok bukan hanya mampu mempengaruhi melalui jutaan dolar yang dibelanjakan untuk iklan bahkan secara tidak langsung mempengaruhi juga dasar kerajaan melalui pelaburan yang dibuat olehnya di negara berkenaan.

Semasa pilihanraya bagi jawatan Presiden Amerika tahun 1996, terdedah apa yang dinamakan sebagai skandal Riady - seorang tokoh perniagaan bernilai bilion dolar yang menyumbang kepada dana kempen pilihanraya Bill Clinton dengan tujuan untuk mempengaruhi dasar-dasarnya.

3. Institusi media massa



Our government rests in public opinion. Whoever can change public opinion, can change the government, practically just so much.

(Abraham Lincoln)

Media massa memainkan peranan penting dalam membentuk pendapat umum khususnya dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi.

Pengaruh media massa dapat dirasakan dalam insiden kejatuhan Richard Nixon, mantan Presiden Amerika melalui skandal Watergate yang didedahkan. Seorang ahli politik bernama Gary Hart yang berhasrat menjadi calon Presiden Amerika terpaksa dibatalkan setelah media massa mendedahkan mengenai peribadinya yang tidak baik.

Antara sebab yang menjadikan media massa berpengaruh ialah kerana naluri semula jadi manusia yang mahukan maklumat. Oleh itu, mereka akan sentiasa mencari jalan untuk memenuhiinya.

Suatu contoh mengenai peranan media massa dalam mencetus perubahan besar ialah Revolusi Iran. Para pengikut Ayatollah Khomeini hanya menggunakan kaset ucapan beliau dan kecekapan dalam

mengedarkannya telah menggulingkan Shah Iran pada tahun 1979.

Penutup - muhasabah bagi institusi dakwah

Tanpa bermaksud untuk meremehkan dan menafikan sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh mana-mana pihak, soalan perlu ditanya secara jujur apakah yang dimiliki oleh institusi dakwah hari ini untuk memenuhi misi perubahannya?

Apakah wasilah dakwah pada hari ini yang benar-benar berkesan dalam membentuk dan mempengaruhi pendapat umum masyarakat Muslim dan masyarakat umum, dari segi institusi pendidikan, perekonomian dan media massa?

Dari aspek pendidikan Islam, baik di peringkat rendah dan menengah, masih jauh dari menjadi alternatif kepada yang ada. Pendidikan tinggi Islam pula masih tiada.

Dari aspek media massa pula, institusi dakwah hanya memiliki kuliah-kuliah ilmu, mimbar masjid dan, sejak beberapa tahun lalu, wadah-wadah digital. Namun, jangkauannya masih terbatas. Ia belum mampu menjangkau hampir majoriti masyarakat Islam, apatah lagi masyarakat umum Singapura. Walau pun kini terdapat ramai asatizah yang berpendidikan pasca sarjana seperti Master dan PhD, tapi penghasilan karya-karya ilmiah yang dapat mempengaruhi pemikiran umum masih terlalu langka.

Dari aspek ekonomi, majoriti institusi dakwah masih tiada kemandirian kewangan (financial independence) dan masih lagi meminta-minta. Walau pun masyarakat Muslim Singapura mempunyai kemampuan kewangan, institusi dakwah hanya mampu memperolehi sebahagian kecil sahaja dari kemampuan itu. Potensi kewangan yang dimiliki oleh masyarakat dan sebahagian organisasi Islam terabai kerana hilang pertimbangan keutamaan.

Tidak dinafikan akan kepentingan akidah dan kefahaman Islam sebagai titik tolak kepada perubahan yang dikehendaki, tetapi ia tidak seharusnya menidakkannya faktor-faktor lain yang tertakluk kepada peraturan sebab dan musabab Allah taala. Berdasarkan peraturan sebab dan musabab, pengalaman-pengalaman bangsa lain juga perlu dipelajari.


Pada tahun 1960an Soviet Union telah memerlukan dunia dengan kejayaannya menghantar angkasawan mengelilingi dunia melalui kapal angkasa. Sejurus setelah itu, John F. Kennedy, Presiden Amerika ketika itu terus mengeluarkan arahan bahawa Amerika mesti mampu menandingi pencapaian itu dengan mendaratkan manusia di bulan. Dalam tempoh yang pendek sahaja cita-cita itu menjadi realiti.

Para pengkaji yang mengkaji peristiwa ini telah merumuskan bahawa antara faktor penting yang memberi Amerika kelebihan ke atas Soviet Union ialah kemampuan pengurusan yang ditunjukkan oleh pasukan yang bertanggungjawab terhadap tugas ini dalam menyelaras seluruh usaha kajian yang dibuat di merata negara.

Hal ini sepatutnya mendorong aktivis Muslim untuk peka akan tanggungjawab dan cabaran yang dihadapi. Ia sepatutnya mendorong aktivis Muslim untuk bermuhasabah tentang usaha dakwah yang dilakukan.

Adakah aktivis Muslim di lapangan masih terus ingin bergelumang dalam polemik usang dan menuding jari untuk menunjukkan kelemahan orang lain dan membuktikan bahawa dia lebih baik, sedangkan hakikatnya semua masih dalam berkedaan lemah dan saling memerlukan untuk misi perubahan bagi dakwah?





A Brief Look at *Wasatiyyah* in Islam

By Ustaz Amruu Hussein

This paper seeks to investigate the significance of *wasatiyyah* in Islam, with specific attention to the *wasatiyyah* in religious life. The approach taken will be through investigation of scriptural evidence (the Qur'an and Hadith) that enjoins balance and condemnation of any kind of extremism in religious activity.

This paper is written on the view that Islam views *wasatiyyah* as the ideal measure for human activities that would bring about peace, harmony, and pleasure for people and the optimum-measure for every aspect of human activities; religiously, politically, financially, and socially. Thus, *wasatiyyah* is to be regarded as fundamental character of Muslim.

***Wasatiyyah* briefly**

Wasatiyyah refers to striking a balance between two extremes and avoiding either one completely (The Oxford Dictionary of Current English, 1992; Munir Al-Balabaki, Almawrid 1989). It signifies excellence, just, fair and devoid of any excessiveness.

Wasatiyyah is considered to be one of key precepts of Islam. It is used in the Qur'an to describe the ideal Muslim ummah – “*ummattan wasatan*” which means a nation that has attributes of justice, excellence and balance in order to serve as Allah's trustworthy “witness over mankind” (*shuhada 'ala al-nas*) in this

world and the hereafter (Al-Baqarah, 143).

In this context, *wasatiyyah* may be interpreted as “the justly balanced character” of Islam and the community of Muslims as a whole (Muhammad Kamal Hasan, 2013). *Wasatiyyah* (popularly known as moderation) has attained a great deal of notoriety in contemporary Muslim discourse and lecture, particularly after the terrorist attacks that took place in the United States of America on September 11, 2001, which caused the deaths of thousands of people.

According to Al-Zuhaili (1991), *wasatiyyah* must be fundamental trait of Muslims in line with the role divinely mandated to them – to be God's vicegerent (*khalifah*) to flourish this worldly life with obedience and worship of the Almighty Allah that would lead to life in paradise in the hereafter. To achieve this, Muslims should strive to uphold Islamic ethic and morality, demonstrate fairness and balance, reject all forms of excessiveness and extremism in the name of the religion.

Two pillars of *wasatiyyah* in the Qur'an

The Qur'an regards justice (*al-'adl*) as a pillar for *wasatiyyah* – to be just to Allah taala, the religion, self, fellow human beings, other creatures and to whole universe, because just is what makes Muslim ummah suitable to become “witness over mankind”. Also, the Qur'an clearly states that Allah taala despises injustice and unfairness,

“Thus, have We made of you an Ummah that is justly

balanced, so that you may be witnesses over the nations, and the Messenger may be a witness over yourselves; and We appointed the *Qiblah* to which you were used, only to test those who followed the Messenger from those who would turn on their heels..." (Al-Baqarah, 143)

"Behold, God enjoins justice, and the doing of good, and generosity towards [one's] fellow-men; and He forbids all that is shameful and all that runs counter to reason, as well as envy; [and] He exhorts you [repeatedly] so that you might bear [all this] in mind." (Al-Nahl, 90).

Another pillar of *wasatiyyah* found in the Qur'an is balance between worldly life (*dunya*) and hereafter (*akhirah*).

This is found in Qur'an endorsement for Muslim to enjoy all world blessings that Allah taala has bestowed on them in this temporary world as long as it doesn't go to extremes and neglect of the life to come. Thus, Muslims are enjoined to integrate matters of *dunya* with matters of *akhirah* and vice versa, such that the aspect of *dunya* is related profoundly to the aspect of *akhirah* in a moderate manner, and *akhirah* is to have the ultimate and final significance. This is abundantly mentioned in the Qur'an such as,

"O you who believe! When the call to prayer is broadcast on Friday (the Day of Assembly), rush urgently to the Remembrance of Allah and put off business (and traffic): That is best for you if you but knew it! And when the Prayer is finished, then may you disperse throughout the land, and seek of the Bounty of Allah, and celebrate the Praises of Allah frequently (and without restraint), that you may prosper. And when the Prayer is finished, then may you disperse throughout the land, and seek of the Bounty of Allah." (Al-Jumu'ah, 9-10)

"But seek, with the (wealth) which Allah has bestowed on thee, the Home of the Hereafter, nor forget thy portion in this

world: but do good, as Allah has been good to thee, and seek not (occasions for) mischief in the land: for Allah does not love those who do mischief." (Al-Qasas, 77)

According to these verses, Muslim shouldn't get too carried away with his activities in this world while ignoring the life to come, or vice versa.

Wasatiyyah in Muslim religious life

Islam recognizes the value of every facet of life and does so in a manner that is neither excessive nor unbalanced. The treatment of the material, social, spiritual, cultural, and intellectual components of life is characterized by a sense of equilibrium.


Islam does not require Muslims to limit their attention to either the spiritual or the material aspects of their lives only. Islam deals with both and seek to place each where it should be. For this, Islam provides rules and guidance for the fulfillment and satisfaction of the needs associated with each facet of life.

As a result, the focus of this section will be narrowed to analyze the significance of *wasatiyyah* and moderation in religious practice, with particular attention paid to Islam. Indeed, it is essential to keep in mind that extremism is not a newly emerging phenomena and can be found in each and every religion.

The roots of extremism could be found in the early history of Islam. In fact, there have been a great number of extremist schools and sects throughout history. The most well-known early extremist sects are the Al-Khawarij and the Al-Murji'ah.

Example of early extremist manifestation of religious life and Islam's command of *wasatiyyah* could be found in a hadith. Anas related the following story:

"A group of three men came to the houses of the wives of the Prophet inquiring about



how the Prophet worshipped Allah. When they were informed about that, they considered their worship to be insufficient and said: Where are we from the Prophet as his past and future sins have been forgiven? Then one of them stated: I will offer the prayer throughout the night forever. The second individual said: I will fast for the whole of this year and I will not break my fast at any point. The third one said: I won't have anything to do with women, and I won't get married for the rest of my life. The Prophet of Allah appeared before them and questioned: Are you the same individuals who made such a statement? I fast and break my fast. I sleep and I marry women. I fear Allah more than you do. By the name of Allah, I am humbler to Allah and more fearful of Him than you are. Therefore, he or she who does not adhere to my religious customs cannot be considered one of my followers since they are not from me." (Narrated by Al-Bukhari).

This hadith informs Muslim to avoid engaging in any kind of excessiveness or exaggeration in the performance of *ibadah* or religious practices.

The Qur'an warns Muslims not to follow the erroneous way of some followers of past holy prophets due to extremism in their belief in their prophet by ascribing him with divinity. The Qur'an says,

"O People of the Book! Do not go to extremes regarding your faith; say nothing about Allah except the truth.¹ The Messiah, Jesus, son of Mary, was no more than a messenger of Allah and the fulfilment of His Word through Mary and a spirit "created by a command" from Him. So believe in Allah and His messengers and do not say, "Trinity." Stop!, for your own good. Allah is only One God. Glory be to Him! He is far above having a son! To Him belongs whatever is in the heavens and whatever is on the earth. And Allah is sufficient as a Trustee of Affairs." (Al-Nisa', 171)



Wasatiyyah in general *ibadah*

An example of Islam's *wasatiyyah* approach to make *ibadah* easy for Muslims. Although Islam makes five-times-a-day prayer, fasting in a month of Ramadan and has obligatory for Muslims, they are permitted to abstain from completing such acts if they are in a state of some difficulty.

The Qur'an says,

"O believers! When you rise up for prayer, wash your faces and your hands up to the elbows, wipe your heads, and wash your feet to the ankles. And if you are in a state of full impurity, then take a full bath. But if you are ill, on a journey, or have relieved yourselves, or have been intimate with your wives and cannot find water, then purify yourselves with clean earth by wiping your faces and hands. *It is not Allah's Will to burden you, but to purify you and complete His favour upon you, so perhaps you will be grateful.*" (Al-Ma'idah, 6)

The verse implies a general ruling that an obligation may be dropped when a Muslim face difficulty to perform it in normal circumstance. In such situation, the Muslim is only required to do as much as it is possible. Thus, if someone has a problem and cannot achieve the actually required level of cleanliness due to some unavoidable circumstances, there is no compulsion in this matter, and one can do as much as it can.

In the verse, Allah taala has made it clear that He has no intention of making our lives more difficult in any way, and that His only objective is to look out for our best interests. Thus, Muslim should act the same way – not making difficult to himself and others in their religious life.

Wasatiyyah in *solah* (prayer)

Wasatiyyah applies in performing *solah* too – the most important obligation in Islam. One aspect of *wasatiyyah* in *solah* is ensuring the recitation of our prayers neither too loud

nor excessively mild. This is mentioned in the Qur'an, "In your prayer, do not recite too loudly nor too quietly; rather, seek a route away from them." (Al-Isra', 110)

Abu Musa narrated the following on this regard,

"We were in the company of Allah's Messenger s.a.w (during *Haj*). Whenever we went up a high place we used to say: None has the right to be worshipped but Allah, and Allah is Greater, and our voices used to rise, so the Prophet said, O people! Be merciful to yourselves (i.e. don't raise your voice), for you are not calling a deaf or an absent one, but One Who is with you, no doubt He is All-Hearer, ever Near (to all things)." (Narrated by Al-Bukhari)

Another illustration *wasatiyyah* by the Prophet s.a.w when performing *salah* can be seen in the way he led the prayer and delivered the sermon on Friday. He would be lead the prayer and deliver the sermon that was lengthy enough for the audience to learn or be reminded of something significant, but not so lengthy that it would bore or cause hardship to them. It was related by Jabir ibn Samurah, "I was praying with the Messenger of Allah s.a.w and the length of his prayer and the length of his sermon were both reasonable." (Narrated by Muslim)

With regards to non-obligatory *ibadah*, the Prophet often instruct his companions to reduce the amount of additional worship they undertook so that they might fulfill their responsibilities to their families and stay in good physical shape.

Concluding remarks

Wasatiyyah, which could be translated to "moderation in all things" is an important virtue of Islam. Practicing it requires Muslim to embrace balance in every activity, regardless of whether it is religious or social, performed by an individual or by a group. It requires the attainment of equilibrium between the individual and the collective, between life and religion, between the power of the intellect and the power of the body, between idealism and realism, between spirituality and materialism, etc.

The opposite of *wasatiyyah* is extremism, which could be defined as going beyond the

normal or acceptable limit set by Allah taala and the Prophet, even if it is in the name of faith and belief. In fact, extremism could only be regarded as anathema Islam.

References

- Abdullah Yusuf Ali (1938), *The Holy Qur'an: Text, Translation and Commentary*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf Publishers.
- 'Ali Abdul Hamid Balatji (1991), *Riyad Al-Salihin*, Damascus: Darul Khair.
- Encyclopedia Britannica (1994-199), CD 99 Standard Edition.
- Muhammad Asad (1980), *The Message of the Qur'an*, London: Darul Andalus.
- Muhammad Kamal Hasan (2013), *The Need to Understand Al-Wasatiyyah*, Kuala Lumpur: IIUM
- Munir Al-Ba'labaki (1989), *Almawrid (Qamus-English –Arabic)*, Beirut: Dar Al-'Ilm Li Al-Malayin.
- Sayyid Qutub (1993), *Muqawwimat Al-Taswwur Al-Islami*, Beirut: Dar- Al-Shuruq.
- The Oxford Dictionary of Current English (1992), Oxford: Oxford University Press.
- Yusuf Al-Qardawi (2010), *Fiqh Al-Wasatiyyah Al-Islamyyah Wa Al-Tajdid: Ma`alim Wa Manarat*, Cairo: Dar Al-Shuruq.

